

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO

TARIKH: 19 JUN 2014

SOALAN:

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status terkini mengenai sistem perlindungan sosial untuk pemandu teksi selepas perbincangan dengan SPAD dan pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) lain. Bilakah sistem perlindungan ini akan diperkenalkan.

PR-1322-L61659

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sememangnya merupakan hasrat Kerajaan untuk memperluaskan sistem perlindungan keselamatan sosial kepada pelbagai golongan pekerja. Salah satunya termasuklah pemandu teksi yang bekerja sendiri. Hasil perbincangan dengan *stakeholders* secara prinsipnya perlindungan kepada pemandu teksi akan dilindungi di bawah satu perundangan baru yang bakal digubal. Namun Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) perlu dipinda

terlebih dahulu. Sehubungan itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji pindaan kepada Akta 4 bagi membolehkan PERKESO mentadbir sistem perlindungan keselamatan sosial untuk golongan ini.